



KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA

Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 12, Blok E7, Parcel E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan
Persekutuan,
62590 Putrajaya

Tel :603-88832545
Faks :603-88895542
E-mail :ismailmerican@moh.gov.my

KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA
DEMAM DENGGI DAN CHIKUNGUNYA DI MALAYSIA`
Bagi Minggu Epid 42/2009 (18 hingga 24 Oktober 2009)

Bagi tempoh 18 hingga 24 Oktober 2009, sejumlah 561 kes demam denggi dengan satu kematian dari negeri Sarawak telah dilaporkan di seluruh Negara, berbanding 563 kes tanpa kematian bagi minggu sebelumnya. Sebanyak 6 negeri telah menunjukkan peningkatan kes denggi yang ketara iaitu Wilayah Persekutuan Labuan (100%), Perlis (50%), Kedah (33%), Selangor (21%), Johor (18%) dan Pulau Pinang (10%).

Untuk makluman, jumlah terkumpul kes denggi pada tahun 2009 adalah sebanyak 33,684 kes dengan 73 kematian berbanding 37,195 kes dengan 81 kematian bagi tempoh yang sama tahun 2008 iaitu penurunan sebanyak 9%, bagi tahun 2009.

Maklumat kes kematian denggi yang berlaku pada minggu ini adalah seperti berikut:-

- a) Pesakit seorang kanak-kanak perempuan berusia 6 tahun, dari Daerah Sibul, Sarawak. Mukim ini telah melaporkan 13 kes sehingga kini (2009).

- b) Sebenarnya, pesakit mula demam pada 25 September 2009 dan hanya mendapat rawatan pada 28 September 2009 di sebuah klinik swasta yang terletak 1 km dari rumahnya. Tiga hari kemudian iaitu pada 30 September 2009, oleh kerana keadaan semakin teruk di mana pesakit mengalami demam, sakit badan serta muntah, ibunya telah membawanya ke Hospital Sibu yang terletak 7 km dari rumahnya. Beliau disahkan menghidap demam denggi melalui ujian darah yang dijalankan dan telah dimasukkan ke wad untuk mendapatkan rawatan. Namun, keadaan pesakit semakin teruk dan meninggal dunia pada 7 Oktober akibat komplikasi '*Dengue Shock Syndrome*' (DSS).
- c) Aktiviti pemeriksaan pembiakan *Aedes* (PPA) pada 21 Oktober 2009 di kawasan ini, menunjukkan terdapat 3 tempat pembiakan *Aedes* yang melebihi kadar sensitif, yang dijumpai di luar rumah iaitu di dalam tayar terpakai, pasu bunga pecah di tanah lapang dan tapak pembinaan terbengkalai yang letaknya 100 meter dari kediaman pesakit.
- d) Aktiviti semburan kabus telah dilakukan pada 1 Oktober 2009 melibatkan 80 buah premis dengan liputan 100%. Tiada aktiviti gotong-royong dijalankan di kawasan ini.

Sehingga kini, terdapat 13 lokaliti "hot spot" sedang dipantau di seluruh negara dengan tambahan 1 lokaliti "hot spot" baru manakala 3 lokaliti telah bebas "hot spot" (Lampiran C, D dan E). Daripada 561 kes denggi yang dilaporkan pada minggu lepas, 9 kes berlaku di lokaliti "hotspot". Adalah dukacita, masih lagi terdapat 5 (38%) daripada 13 lokaliti "hot spot" mempunyai kadar pembiakan *Aedes* yang tinggi

(Lampiran F). Ini menyebabkan usaha untuk mencegah jangkitan demam denggi menjadi sukar.

Hanya 23 (41%) aktiviti gotong-royong dapat dijalankan walaupun sebanyak 56 gotong-royong disasarkan sepanjang minggu ini. Masih terdapat 7 lokaliti hotspot di negeri Selangor yang belum menjalankan gotong-royong semenjak lokaliti ini berlaku wabak.

Pada minggu lepas, sebanyak 71,148 premis telah diperiksa didapati 973 premis mempunyai pembiakan *Aedes*. Kebanyakan tempat pembiakan ini dijumpai di luar rumah iaitu tong plastik, tong cat, pasu bunga, lantai simen, tangki air, tong drum dan alas pasu bunga manakala di dalam rumah adalah pam tandas. Untuk makluman, kadar pembiakan *Aedes* di lokaliti wabak 52% lebih tinggi dari nilai keseluruhan. Situasi ini adalah tidak baik kerana ia masih menyebabkan risiko untuk penularan jangkitan Demam Denggi berlaku.

Aktiviti penguatkuasaan yang dilaksanakan pada minggu ini ialah pengeluaran 344 kompaun bernilai RM65,320 dan 341 notis arahan pembersihan untuk tujuan aktiviti pencegahan demam denggi.

Bagi penyakit Chikungunya, sejumlah 197 kes telah dilaporkan pada minggu lepas dengan peningkatan 43 kes berbanding minggu sebelumnya iaitu 154 kes. Jumlah terkumpul kes Chikungunya pada tahun ini adalah sebanyak 3,840 kes iaitu meningkat 28% berbanding 3,002 kes pada tempoh yang sama tahun 2008. Negeri Sarawak menunjukkan peningkatan kes yang ketara berbanding minggu sebelumnya (meningkat 55 kes) dan menyumbang sebanyak 93% daripada bilangan kes Chikungunya seluruh negara pada minggu lepas. Tiada kematian berkaitan penyakit Chikungunya dilaporkan sehingga

kini. Bilangan kes yang dilaporkan mengikut negeri adalah seperti di Lampiran B.

Walaupun kes denggi menunjukkan penurunan, masyarakat diminta meneruskan usaha melakukan pemeriksaan dan menghapuskan tempat pembiakan nyamuk Aedes seminggu sekali bagi memastikan kawasan di dalam dan persekitaran rumah mereka bebas daripada pembiakan nyamuk Aedes. Segera dapatkan rawatan awal sekiranya mengalami demam bagi mengelakkan komplikasi akibat demam denggi yang boleh membahayakan nyawa pesakit.

(TAN SRI DATO' SERI DR. HAJI MOHD ISMAIL MERICAN)

Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

27 Oktober 2009

Lampiran A

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 42/2009
(18 hingga 24 Okt. 2009)**

Bil	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan		Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 42/2009	Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 42/2008
		Minggu 42 (18 – 24 Okt. 2009)	Minggu 41 (11–17 Okt. 2009)		
1	Perlis	3	2	174	124
2	Kedah	8	6	649	1,051
3	P. Pinang	34	31	2091	1,573 (1)
4	Perak	19	27	2562 (2)	3,218 (5)
5	Selangor	239	197	16229 (44)	15,724 (32)
6	WPKL & Putrajaya	49	56	3142 (8)	4,218 (9)
7	N. Sembilan	14	17	773 (5)	1,114 (2)
8	Melaka	16	23	718 (3)	692 (1)
9	Johor	45	38	2106 (3)	3,022 (14)
10	Pahang	12	16	734 (2)	987 (1)
11	Terengganu	9	15	831	1,430 (3)
12	Kelantan	4	16	924 (1)	2,051 (9)
13	Sarawak	86 (1)	88	1836 (2)	1,063
14	Sabah	22	31	892 (3)	865 (2)
15	WP Labuan	1	0	23	63 (2)
	Jumlah	561 (1)	563	33,684 (73)	37,195 (81)

Nota:

() Kematian

Lampiran B

**JUMLAH KES CHIKUNGUNYA YANG
DILAPORKAN PADA MINGGU 42 DAN 41 BAGI TAHUN 2009**

Bil	Negeri	Bilangan Kes		Jumlah Terkumpul Minggu 1- 42 Tahun 2009	Jumlah Kes bagi tahun 2008
		Minggu 42 (18 – 24 Okt 2009)	Minggu 41 (11 – 17 Okt 2009)		
1	Perlis	2	0	35	3
2	Kedah	0	0	784	181
3	P. Pinang	2	3	333	6
4	Perak	0	1	402	590
5	Selangor	0	2	421	353
6	WPKL &Putrajaya	0	1	94	27
7	N. Sembilan	0	0	31	176
8	Melaka	0	0	0	606
9	Johor	0	0	157	1,846
10	Pahang	0	0	71	341
11	Terengganu	0	0	58	4
12	Kelantan	0	1	433	135
13	Sarawak	183	128	975	3
14	Sabah	10	18	46	0
15	WP Labuan	0	0	0	0
	MALAYSIA	197	154	3,840	4,271

Bilik Gerakan CPRC Kebangsaan
Bahagian Kawalan Penyakit
Kementerian Kesihatan Malaysia

Lampiran C

SENARAI LOKALITI “HOT SPOT” SEHINGGA 24 Oktober 2009 (Mg 42)

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
1	SELANGOR	Gombak	Tmn Pinggiran Bt Caves (Zon 3)	36	116
2	SELANGOR	MPAJ	Taman Cempaka (Zon B)	26	78
3	SELANGOR	SP	Taman Seri Sg Pelek	14	62
4	SELANGOR	MPAJ	Pandan Indah (Zon H)	16	54
5	SELANGOR	Sepang	Taman Mawar 2	13	53
6	SELANGOR	Gombak	Taman Sri Gombak Fasa 8 & 9 (Zon 4)	11	46
7	SELANGOR	Gombak	Taman Selasih Fasa 2	8	42
8	SELANGOR	Gombak	Taman Sri Gombak	6	37
9	SELANGOR	Gombak	Kg Nakhoda tengah	6	37
10	WPKL	Klang Lama	Kuchai Lama (De Tropicana Kondo)	9	44
11	JOHOR	MPPG	Flat Cendana Mukim Pelentong	30	102
12	TERENGGANU	KKM	Flat Polis Padang Hiliran	21	38
13	SARAWAK	KKM	Kpg.Puak Bau	8	41

Lampiran D

SENARAI "HOT SPOT" BARU BAGI MINGGU 42 (18- 24 Oktober 2009)

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
1	SARAWAK	KKM	Kpg.Puak Bau	8	41

Lampiran E

SENARAI LOKALITI BEBAS "HOT SPOT" BAGI MINGGU 42 (18-24 Oktober 2009)

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
1	SELANGOR	MPSJ	PJS 7/15 (Pangsa)	11	65
2	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Desa Baiduri Cheras	6	48
3	WPKL	Klang Lama	Tmn Bukit Indah	6	32

**SENARAI LOKALITI "HOT SPOT" YANG MASIH MEMPUYAI KADAR PEMBIAKAN
NYAMUK *Aedes* YANG TINGGI BAGI MINGGU KE 42**

Bil.	Negeri	Daerah / Zon / PBT	Lokaliti	Peratus rumah positif daripada jumlah rumah diperiksa (%)	Jumlah bekas positif daripada 100 rumah diperiksa
1	Selangor	GOMBAK	Taman Pinggiran Bt.Caves (Zon 3)	6.3%	6
2	Selangor	GOMBAK	Taman Sri Gombak	12.5%	13
3	Selangor	MPAJ	Pandan Indah (Zon H)	1.3%	1
4	Selangor	MPPG	Flat Cendana Mukim Pelentong	6.5%	7
5	Johor	BAU	Kampung Puak	5.6%	6